

# Kanak-kanak enam tahun kelihatan seperti wanita tua

KOSMO

23/10/2019 MISC 27

## TEXAS, Amerika Syarikat –

Seorang kanak-kanak berusia enam tahun kelihatan seperti wanita tua kerana menghidap penyakit yang menyebabkan dia mengalami proses penuaan lapan kali lebih pantas berbanding individu normal.

Adalia Rose disahkan menghidap sejenis penyakit ganjil yang dikenali sebagai sindrom progeria Hutchinson-Gilford menyebabkan badannya mengalami penuaan lebih cepat berbanding kadar biasa.

Penyakit itu turut menyebabkan dia mengalami pelbagai masalah kesihatan yang sering dikaitkan dengan usia tua seperti wajah berkedut, kehilangan deria penglihatan, kegagalan buah pinggang dan masalah jantung.

Rose kini menjadi sensasi di media sosial seluruh dunia menyebabkan dia memiliki lebih 13



AGENSI

**ROSE menunjukkan surat daripada peminatnya.**

juta pengikut di internet, manakala ibunya turut dijemput dalam rancangan *60 Minutes* Australia.

"Saya seolah-olah tidak percaya apabila pasukan doktor memaklumkan mengenai kesihatannya. Saya terpaksa melayari internet untuk mengetahui lebih lanjut berhubung progeria.

"Saya tidak menahan sebak apabila mengetahui nasibnya tidak



AGENSI

**NATALIA memakai Rose rambut palsu.**

ubah seperti wanita tua walaupun usia baru mencecah enam tahun," kata ibunya, Natalia ketika rancangan itu disiarkan kelmarin.

Menurut pasukan doktor, purata kadar hayat kanak-kanak yang menghidap penyakit progeria hanya 13 tahun. Hanya kira-kira 100 kanak-kanak menghidap progeria di seluruh dunia akibat mutasi dalam gen. – Agensi